



**Quantum Metal Sdn. Bhd.** 201201027417 (1011907-U)

+60 4 2260755

info@quantummetal.com

+60 4 2280250

## KENYATAAN AKHBAR

28 JULAI 2022

### QUANTUM METAL MALAYSIA MELANCARKAN MESIN ATM PENGELUARAN EMAS PERTAMA DI DUNIA

**PULAU PINANG, 28 Julai 2022** – Pengerusi Eksekutif Quantum Metal Sdn Bhd (“Quantum Metal”), Dato’ Lim Khong Soon, telah melancarkan Mesin ATM Emas Pertama di dunia hari ini.

Quantum Metal adalah salah satu pengedar jongkong emas terbesar di Malaysia yang menyediakan platform digital dan mengeluarkan produk emas premium (99.99%) kepada pasaran Malaysia. Selain pilihan pengeluaran emas yang disediakan oleh Quantum Metal seperti menebus emas secara fizikal daripada 11 cawangan Ar Rahnū TEKUN di Malaysia, rakan kongsi perniagaan Quantum Metal. Hari ini, Quantum Metal telah mencapai satu lagi kejayaan dalam mengembangkan ekosistem perniagaannya, dengan membenarkan pelanggannya menebus pengeluaran emas mereka melalui Mesin ATM Emas.

Melalui kemudahan Mesin ATM Emas ini, pelanggan dan ahli Quantum Metal mempunyai lebih banyak pilihan dan mudah untuk mengeluarkan emas fizikal yang mereka simpan di dalam Akaun Simpanan Emas (GSA) mereka. Pada masa ini, pengeluaran terendah yang boleh didapati adalah dalam bentuk 1 Dinar (4.25g) atau Jongkong Emas Ditempa sebanyak 10g, sehingga maksimum 30kg untuk setiap pengeluaran (tertakluk pada terma dan syarat).

Mesin ATM Emas yang pertama Quantum Metal diletakkan di Ibu Pejabat Quantum Metal di George Town, Pulau Pinang dan sebuah lagi di Petaling Jaya. Quantum Metal mempunyai perancangan untuk memperkenalkan lebih banyak Mesin ATM Pengeluaran Emas di lokasi yang sesuai.

Quantum Metal juga merupakan salah satu pengedar eksklusif Perth Mint. Ia adalah produk dari pemaju dan pengeluar terkemuka yang telah berkecimpung dalam perniagaan emas lebih daripada 100 tahun dan dimiliki oleh Kerajaan Australia Barat.

4, Jalan Resideni,  
10450 George Town,  
Pulau Pinang, Malaysia.

Suite 16-01 Level 16, G Tower 199  
Jalan Tun Razak, 50470 Kuala  
Lumpur, Malaysia.

No 53-02 & 55-02,  
Jalan Setia Tropika 1/8,  
Taman Setia Tropika,  
81200 Johor Bahru.

No.9, Jalan Bukit Mata,  
Level # UG -02, Gateway  
Kuching, 93100 Kuching,  
Sarawak, Malaysia